

SOALAN

SAYA berusia 15 tahun dan sejak kecil dilahirkan dengan badan sedikit besar hingga mendatangkan rasa kurang selesa orang lain dan diri saya sendiri. Lebih menyedihkan, saya juga boleh dikategorikan sebagai lelaki 'lembut' atau pondan.

Di bangku sekolah lagi saya pernah diejek dengan pelbagai hinaan daripada kawan dan guru. Saya bencikan mereka kerana memperlekehkan saya. Keluarga pula menerima saya seadanya mungkin disebabkan sejarah keluarga turut menyanyi masalah serupa. Namun, saya tetap tidak melupakan ibadat kepada Allah dan berusaha meninggalkan larangan-Nya.

Tapi saya mempunyai nafsu tinggi disebabkan tabiat suka menonton cerita atau gambar lucu. Saya sudah terdedah dengan situasi itu sejak kecil lagi kerana ayah juga mempunyai tabiat sama.

Malah, ibu pernah menjumpai cakera padat lucu milik ayah. Hingga kini ayah juga menyimpan video lucu di dalam telefon bimbit dan tabiat itu diikuti abang pula.

Kini saya ketagih dengan tabiat itu dan sering melakukan onani. Saya juga boleh dikatakan manusia yang bertopengkan syaitan apabila berkelakuan baik di depan ibu bapa, rakan dan ahli keluarga tapi sebenarnya terlalu banyak melakukan dosa.

Saya juga seorang gay kerana menyukai lelaki dan langsung tidak berminat dengan perempuan. Lebih teruk lagi, saya rasa cemburu dengan mereka. Keadaan badan besar dan masalah jerawat yang dihadapi membuatkan saya hilang keyakinan untuk berinteraksi dengan orang sekeliling kecuali keluarga sendiri.

Saya rasa terlalu banyak sangat kekurangan jika hendak dibandingkan dengan orang lain. Saya sudah banyak kali cuba hendak berubah tapi akhirnya masih lagi mengulangi perbuatan itu terutama jika berseorangan di rumah.

Namun, saya tidak pernah menyalahkan ibu bapa kerana apa saja yang saya lakukan adalah kerana kegagalan mengawal nafsu diri.

Apa harus saya lakukan kerana tidak mahu berterusan begini. Tambahan pula saya antara pelajar cemerlang di sekolah.

Dilema pelajar berwatak lembut

Remaja berbadan besar sering dihina guru dan rakan



JAWAPAN

BANYAK isu yang adik alami antaranya sentiasa berasa rendah diri. Ia ada kaitan dengan bentuk badan adik yang sedikit besar selain dikategorikan sebagai lelaki 'lembut' atau pondan. Seterusnya perasaan benci kerana pelbagai hinaan daripada kawan dan guru yang suka memperlekehkan adik.

Adik juga ketagihan onani dan mengaku sebagai

Perlis

seorang 'gay'. Bagaimanapun, Dr tetap ucapkan tahniah kerana walaupun menerima pelbagai hinaan, adik tetap tidak melupakan ibadat kepada Allah dan berusaha meninggalkan larangan-Nya. Dr berharap adik berterusan menjadi seorang yang patuh pada ajaran agama.

Banyak kajian menunjukkan individu yang dilihat mempunyai orientasi seksual berbeza lebih banyak dibuli dan dihina. Perwatakan adik sebagai lelaki 'lembut' menyebabkan adik menerima pelbagai

hinaan.

Justeru, Dr simpati atas tekanan dan rasa benci yang adik rasai. Untungnya keluarga menerima adik seadanya. Sokongan keluarga sememangnya amat penting dalam individu menangani konflik hidup.

Dr tidak tahu sama ada perwatakan lelaki 'lembut' adik adalah sifat semula jadi atau sebaliknya. Sekiranya ia bukan bersifat semula jadi, adik tidak seharusnya terus berperwatakan lelaki lembut. Mengenai rakan-rakan dan

guru yang menghina adik, Islam melarang menghina ciptaan Allah.

Firman Allah "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka..." Al-Hujurat ayat 11.

Mengenai kekurangan diri, adik berada pada peringkat remaja. Pada peringkat ini, berlaku proses perubahan besar pada aspek fizikal,

kognitif dan sosial. Seperti remaja lain, adik mengalami konflik identiti dan mencari-cari siapakah dirinya yang sebenar. Bentuk saiz badan yang 'sedikit besar' dan berjerawat menyebabkan kurangnya keyakinan diri adik.

Memandangkan rasa kurang yakin adalah masalah kebanyakan remaja, adik perlu melihat rasa kurang yakin itu bukanlah masalah yang adik hadapi seorang saja. Ramai lagi mengalami masalah serupa.

Seterusnya, belajar untuk ubah pemikiran bahawa faktor berjerawat dan berbadan besar adalah faktor penentu kepada membina interaksi dengan orang lain. Berfikir secara rasional kerana banyak perkara lain yang membuatkan orang suka kepada adik. Seperti kawan yang jujur, suka menolong dan tidak menipu, baik hati.

Sememangnya untuk mengubah pemikiran negatif kepada positif bukanlah satu proses mudah. Pengalaman dihina membuatkan adik berasa sukar membina interaksi dengan orang lain dan mengubah pemikiran negatif kepada positif. Namun, jika ia dapat dilakukan secara berperingkat, ia membantu untuk membina keyakinan diri adik.

Mulakan dengan mencari seorang kawan yang adik rasa dapat menerima adik seadanya. Seterusnya, tambah bilangan kawan dalam hubungan adik. Jika adik dapat tingkatkan keyakinan untuk berinteraksi dengan orang sekeliling, masa untuk adik berseorangan di rumah pasti berkurang.

Konsep sendiri dan rasa keyakinan pasti meningkat kerana adik merasa semakin diterima. Masa berinteraksi dengan rakan dapat digunakan untuk mengurangkan perbuatan dan akhirnya memberhentikan onani adik. Perbuatan onani memberi kesan negatif kepada kesihatan dan emosi. Ia juga salah di sudut agama.

Menjadi 'gay' memang tidak diterima dalam agama. Hukumnya adalah haram. Banyak ayat al-Quran yang membuktikan perbuatan ini dilarang dalam agama Islam.

Dr harapkan adik dapat mengubah pemikiran dan perlakuan yang negatif kepada positif melalui azam yang kuat. Dengan kecemerlangan akademik dan sifat patuh kepada ajaran agama, Dr yakin adik dapat menjadi seorang yang bersifat positif.